

Kenaikan harga minyak

Kaji cara

BN 28 AUG 1990

kawal harga

Oleh **JAILANI HARUN**

LUMUT, Isnin — Kerajaan sedang membuat kajian terperinci mengenai harga barangan keperluan yang dipasarkan di negara ini, berikutan kenaikan harga minyak akibat krisis Teluk.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan juga sedang menimbang untuk menaikkan kuota pengeluaran minyak mentah negara daripada 605,000 tong sehari pada masa ini kepada 650,000 tong sehari, jika ada permintaan munasabah dari negara pengguna.

Bercakap dalam sidang akhbar di Dewan Idris Shah II di sini, hari ini, beliau berkata kajian harga barangan itu, yang dijalankan bersama oleh Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, akan siap dalam tempoh seminggu lagi.

Menurutnya, hasil kajian itu juga mungkin dibuat secara perbincangan melalui siaran televisyen, bagi membolehkan rakyat mendapatkan gambaran sebenar mengenai perkara itu.

"Kita perlu mengkaji kesan krisis Teluk ke atas harga barangan keperluan di negara ini. Jika harga minyak di pasaran dunia naik 59 peratus, adakah ini bermakna harga barang juga akan meningkat 50 peratus?"

"Kita rasa harga barangan, termasuk lapan barang kawalan, tidak boleh dinaikkan sewenang-wenangnya.

"Minyak cuma mempengaruhi 10 peratus daripada harga barang. Ini bermakna, jika harga minyak naik 50 peratus, harga barang cuma meningkat lima peratus.

"Bagaimanapun, faktor lain juga perlu diambil kira, iaitu kos pengangkutan, pekerja dan sebagainya. Jika tidak munasabah, harga barangan keperluan tidak boleh dinaikkan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan berpendapat rakyat tidak seharusnya menanggung 'psikologi inflasi' kerana spekulasi mengenai kenaikan harga barang di seluruh dunia.

Inflasi

Menurutnya, rakyat perlu membantu diri sendiri dengan mengelak daripada membeli barangan mahal dan tidak perlu.

"Jika mereka sanggup berbelanja besar untuk barangan mahal, sudah tentulah penjual akan menaikkan harga barang itu. Jadi, jika harga barangan naik, itu adalah silap pengguna, bukannya kerajaan," katanya.

Mengenai kuota pengeluaran minyak, beliau berkata Malaysia sudah bersetuju menjual minyaknya kepada Filipina dan India serta akan mengkaji permintaan daripada beberapa negara pengguna lain.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan

akan berhati-hati sebelum memenuhi permintaan itu bagi mengelakkan negara lain mengambil kesempatan membeli minyak negara ini dan kemudian menjualnya dengan harga lebih tinggi di pasaran gelap.

Menjawab soalan pemberita, sama ada 650,000 tong sehari itu adalah pengeluaran maksimum negara, Perdana Menteri berkata, ia tidak sampai ke tahap itu, tetapi sanggup menimbang permintaan dari luar.

"Kita tidak boleh meningkatkan pengeluaran sewenang-wenang. Kita akan buat mengikut keadaan dan hanya menjual minyak secara terus kepada negara yang memerlukan," katanya.

Kepada soalan lain, beliau berkata kerajaan berharap ia tidak akan menguatkuasakan undang-undang untuk mengawal kenaikan harga barang dan mengenakan tindakan ke atas pihak yang bertanggungjawab berbuat demikian.

Mengenai Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen), Datuk Seri Dr Mahathir berkata tidak timbul persoalan sama ada majlis itu perlu dibubarkan atau tidak buat masa ini, walaupun ia gagal mencapai kesepakatan menyeluruh terhadap keputusannya.

Katanya, kerajaan tetap mahukan pandangan majlis itu untuk meneruskan rancangan Dasar Ekonomi Baru (DEB) selepas 1990 walaupun ada anggotanya menarik diri daripada majlis itu.



Dr Mahathir